

Sektor makanan perlu perubahan struktur bukan 'ulang strategi'

- Ekosistem R&D perlu distruktur semula, beri peruntukan tinggi dan selaraskan agenda institusi penyelidikan dengan perluaskan teknologi maju termasuk dron dan AI

- Kerajaan dan GLC tidak boleh jadi 'orang tengah', manakala ahli politik usah kawal Pertubuhan Peladang Kawasan, sebaliknya serah tanggungjawab kepada golongan tani sendiri

Oleh Datin Dr Fatimah
Muhammed Arshad
bhrencana@bh.com.my



Felo Laboratori
Kajian Dasar Pertanian
dan Makanan, Universiti
Putra Malaysia (UPM)

Perubahan nama daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), menyerlahkan teras serta fokus keterjaminan bekalan makanan.

Ini bererti 'Dasar Pertamakan Makanan' sangat tepat kerana pandemik mendedahkan kerapuhan sekuriti makanan negara dari semua sudut, ketersediaan dan kemampuan membeli serta kesan kedua-duanya terhadap nilai pemakanan, terutama anak kecil. Sektor makanan

juga berdepan cabaran runcing seperti perubahan cuaca, ketidaktentuan dan kejutan sosioekonomi.

Menteri baharu KPKM pula ialah Mohamad Sabu, dikenali pejuang politik berjiwa rakyat. Ciri prihatin dan memahami rakyat, terutama masyarakat tani ialah prasyarat kelayakan jawatan itu. Dengan pemimpin prihatin rakyat dan fokus tepat, KPKM melandasi hala tuju menjanjikan prestasi pertanian dan makanan cemerlang.

Seperti sering diujahkan, jika negara mengulangi dasar dan strategi sama, hasilnya adalah sama jika tidak lebih lembap. Oleh itu, perubahan struktur besar diperlukan untuk mencapai tuntutan diputuskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Sidang Kemuncak Sistem Makanan 2021, iaitu sistem makanan lestari, berdaya tahan dan setara mendepani cabaran multi dimensi.

Ciri kerapuhan keterjaminan makanan menyerlah di bawah pandemik. Polisi demi polisi dilaksanakan, namun sektor ini hanya mampu menunjukkan kadar pertumbuhan lebih perlahan berbanding permintaan. Kecuali sektor ayam daging dan daging khinzir, sektor lain menunjukkan kadar sara diri (SSL) menurun sejak 1990 hingga 2020.

Masalah utama sektor makanan adalah pertama, produktiviti rendah dan kedua, kos pengeluaran terutama input sangat tinggi. Ini menyebabkan margin keuntungan rendah, lantas tidak menarik petani atau usahawan baharu. Ketiga, masalah struktur dan institusi mengekang pembangunan kapasiti petani.

Bererti, sektor ini perlu tangani tiga faktor utama untuk ke hadapan. Faktor pertama, meningkatkan produktiviti menerusi penstrukturan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengembangan.

Mengikut Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), 80 peratus produktiviti pertanian pada masa hadapan terletak kepada R&D, bukan tanah atau buruh.

Ini bererti perlunya penstrukturan semula eko-

sistem R&D.

- Pertama: Peruntukan tinggi kepada R&D dan pengembangan.

- Kedua: Agenda R&D makanan di beberapa institusi penyelidikan diselaraskan agar menjurus peningkatan hasil, pembangunan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) atau penyelesaian untuk kecekapan pengeluaran, nilai tambah tinggi, kelestarian dan berdaya tahan. Teknologi maju seperti penggunaan dron, kecerdasan buatan (AI), internet benda (IOT) dan pertanian presis perlu dipercepatkan serta diperluaskan penggunaannya. Malaysia perlu mencontohi Thailand, Vietnam dan China dari segi R&D serta pemindahan teknologi.

- Ketiga: Kolej Pertanian ditingkatkan status dan peranan sebagai pusat pembangunan kapasiti petani setempat menerusi latihan serta pendidikan menjadikan petani lebih mahir dari segi digital dan teknologi termaju.

Selama ini Kolej Pertanian terasing daripada jaringan dengan negara luar. Pakar pertanian maju dari negara jiran seperti Vietnam, China atau Thailand perlu diambil supaya berlaku perkongsian pengalaman dan teknologi melalui pengajaran serta penyelidikan bersama. Model ini berjaya memindahkan beberapa teknologi kepada petani tempatan di beberapa negara Afrika.

- Keempat: Selain institusi penyelidikan awam, geran dan dana R&D juga diberikan kepada sektor swasta serta syarikat permulaan untuk menjana teknologi dan aplikasi maju.

Faktor kedua, mengurangkan kos pengeluaran menerusi kecekapan dan input tempatan. Malaysia perlu mengeluarkan input pertanian sendiri seperti makanan ternakan menggunakan isirong kelapa, baja tempatan mengguna biojisim tempatan umpamanya jerami padi, hampas koko, sisa kilang sawit dan makanan buangan.

Syor PPK diberi kebebasan

Faktor ketiga, struktur dan institusi pertanian mesra petani.

- Pertama: Struktur pasaran komoditi makanan berat sebelah kepada orang tengah seperti kilang padi besar atau pembeli bermodal besar. Pasaran kilang padi adalah berpusat. Buktinya, ada 1,900 kilang padi dengan 70 peratus koperasi milik petani pada 1970-an, tetapi kini hanya 157 kilang padi besar dimiliki swasta dan BERNAS.

Ketidakimbangan ekonomi antara petani dengan pembeli bermodal tinggi menjadikan golongan tani hanya sebagai penerima harga. Cadangan memperbaiki kapasiti petani adalah membina kilang dan mesin kecil membolehkan mereka menjual beras atau produk nilai tambah kepada pengguna.

- Kedua: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) masih diterajui pegawai kerajaan dan di bawah telunjuk ahli politik, lantas tidak dinamik. Asalnya PPK mirip model Pertubuhan Peladang di Taiwan

kini dipacu sepenuhnya petani dan maju dalam bidang pengeluaran dan perniagaan tani. Dicadangkan PPK diberi kebebasan berdikari menjalankan perniagaan untuk faedah ahli menerusi latihan kapasiti dan bimbingan keusahawanan tersusun.

- Ketiga: Sistem pemusatan agihan baja sudah bertapak lima dekad perlu dibebaskan dengan membabitkan petani, usahawan muda dan swasta. Impak pemusatan dan monopoli agihan baja melemahkan pembangunan industri input seperti baja tempatan kerana monopoli. Ia juga membina halangan kemasukan tinggi kepada pengusaha bahu, lantas mematikan kreativiti petani hasilkan baja, benih atau ubat-ubatan baharu untuk tanaman.

Data dan pengalaman silam menunjukkan apabila ada perolehan besar-besaran oleh agensi awam, ia membuka peluang *rent-seeking* dan korupsi dalam kalangan ahli lembaga pengarah.

Pemusatan juga melemahkan penyampaian baja seperti dilaporkan Ketua Audit Negara, purata kelewatan penghantaran baja oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) antara 18 hingga 278 hari. Ini menyebabkan produktiviti petani padi menurun kerana keserentakan input: baja, benih dan air tidak dapat disediakan.

Juga petani diberikan formula baja sama untuk semua jenis profil tanah selama berdekad-dekad. Ini bererti sistem pemusatan menyebabkan ketidakecekapan dan kerugian besar kepada industri selama lima dekad.

Kerajaan sering melaungkan jihad kepada orang tengah, tetapi tidak menyedari apabila agihan baja dipusatkan kepada sesuatu agensi atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC), maka kerajaan adalah orang tengah paling besar, sekali gus menutup peluang usahawan lain dan membantut persaingan.

Begitu juga beberapa agensi kerajaan dan GLC menubuhkan pelbagai subsidiari perniagaan atas nama meningkatkan pendapatan petani. Struktur ini kian meluas dalam kalangan agensi pertanian dan bukan pertanian.

Jika model sebegini dianggap efektif, petani kecil sudah bebas daripada kemiskinan. Nyata banyak dana awam disalurkan di luar daripada pembangunan kapasiti petani. Tidak menghairankan petani kita masih ketinggalan zaman. Maka, rasionalisasi perlu dilaksanakan supaya perkembangan subsidiari diawasi untuk mengurangkan korupsi dan dana digunakan untuk memperkasakan petani.

Nyata perubahan memerlukan penstrukturan semula untuk mencungkil akar lama mengekang pertumbuhan sektor ini. Semoga KPKM dan kepimpinan baharu berjaya mengemudi sektor makanan supaya lebih dinamik, lestari, berdaya tahan dan setara.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH